

B513
UMNO-MAHATHIR

1980

KUALA LUMPUR, 3 JULAI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI MENINGATKAN RAKYAT TENTANG SEJENIS +ANCAMAN+ YANG SEDANG MEREKA HADAPI YANG KALAU TIDAK DISEKAT SECARA BERKESAN MUNGKIN AKAN MENJERUMUSKAN NEGARA KE DALAM SATU LAGI BENTUK PENJAJAHAN.

BELIAU BERKATA WALAUPUN SECARA RELATIF NEGARA KINI DALAM SUAXANA YANG TENANG, TANDA-TANDA AWAL TENTANG BAHAYA ANCAMAN TERSEBUT SEBENARNYA SUDAH MULA KELIHATAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK PULA MENYEBUT SECARA KHUSUS BENTUK ANCAMAN YANG DIMAKSUDKAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGUTARAKAN AMARAN INI KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SECARA-SERENTAK PERHIMPUNAN AGUNG PEMUDA DAN WANITA UMNO DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI.

DALAM UCAPANNYA YANG BERTEMAKAN +RUPABENTUK ATAU ISI KANDUNGAN+ DAN MEMAKAN MASA LEBIH SEJAM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO TELAH MENGHURAIKAN SECARA TERPERINCI PERKEMBANGAN YANG BERLAKU PADA AKHIR-AKHIR INI DI SELURUH DUNIA KHUSUSNYA DI ASIA TENGGARA DAN ASIA BARAT.

BELIAU JUGA MENYEBUT PERPECAHAN YANG KINI TERDAPAT DI KALANGAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA DAN PERANAN YANG PATUT PEMUDA DAN WANITA UMNO MAINKAN UNTUK MENGATASINYA.

— BERSAMBUNG 1015/AZ

B514:

UMNO-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

156

KATANYA WALAUPUN KETENANGAN POLITIK KINI KETARA DIRASAKAN DI NEGARA INI, KETENANGAN TERSEBUT TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI PERISTIWA BIASA SAHAJA YANG TIDAK PERLU DIPELIHARA DAN DILINDUNGI.

+KEJAYAAN SESUATU USAHA BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN MENGENAL TANDA-TANDA AWALAN. TIDAK ADA GUNANYA BERTINDAK APABILA MASA TELAH TERLEWAT DAN NASI SUDAH MENJADI BUBUR.+ TEGAS BELIAU.

MEMANDANG KEPADA KEJADIAN DAN PERISTIWA-PERISTIWA YANG BERLAKU DI NEGARA KITA DALAM MASA-MASA YANG LEWAT INI DAN ALIRAN YANG DIDAPATI DI NEGARA-NEGARA LAIN YANG MEMPUNYAI LATAR BELAKANG YANG LEBIH KURANG SAMA DENGAN KITA, KITA TIDAK SYAK LAGI BAHAWA KETENANGAN YANG TERDAPAT SEKARANG SUDAH MULA DIANCAM.+

+JIKA TIDAK DISEKAT DENGAN CARA YANG BERKESAN, ANCAMAN INI AKAN MENINGKAT SEHINGGA NEGARA AKAN TERJERUMUS DALAM BERBAGAI PERISTIWA POLITIK DAN EKONOMI YANG BOLEH MENGHANCURKAN NEGARA INI DAN MUNGKIN MENJADIKANNYA SEKALI LAGI DIJAJAH DALAM BENTUK-BENTUK YANG LAIN,+ JELAS BELIAU.

SAMBIL MENINGATKAN ANGGOTA KEDUA PERGERAKAN ITU SUPAYA MENGAMBIL BERAT LATAR BELAKANG DAN KEMUNGKINAN TERSEBUT SERTA MENGENAL TANDA-TANDA AWALAN TENTANG KEMUNGKINAN NEGARA TERSERET SEKALI LAGI KE ARAH PEJAJAHAN. DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMINTA MEREKA SUPAYA MENGATUR LANGKAH TINDAK-BALAS DENGAN BERANI.
— BERSAMBUNG 1018/AZ

B515

UMNO-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA: +PEMUDA DAN WANITA HARUS MENDEDAHKAN DENGAN BERANINYA TANDA-TANDA YANG TIDAK SIHAT INI DAN DENGAN ITU BERANI PULA MENENTUKAN SIKAP TERSENDIRI YANG TIDAK TERPENGARUH DENGAN KEINGINAN Mencari JALAN YANG MUDAH DENGAN MENYERTAI IKLIM DAN EMOSI SEMASA.+

+KITA TAHU APA YANG SEBENARNYA DIKEHENDAKI DARI KITA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DAN MELINDUNGI AGAMA YANG SUCI YANG KITA ANUTI. MALANGNYA MASIH RAMAI DARI KITA YANG MENGUTAMAKAN +FORM+ DARI +SUBSTANCE+ ATAU RUPABENTUK DARI ISI KANDUNGAN.+

MENURUT BELIAU, DALAM PEGANGAN KEPADA AGAMA SEKALIPUN, SIFAT SEDEMIKIAN TERDAPAT SECARA BERLELUASA.

+AMALAN YANG JELAS DITUNTUT OLEH AGAMA SEPERTI PERSAUDARAAN, TUNTUTAN ILMU DAN MELENGKAPKAN DIRI UNTUK PERTAHANAN TIDAK DIENDAHKAN DAN SEBALIKNYA SOAL JANGGUT, SERBAN DAN JUBAH YANG DIBERI KEUTAMAAN.+

+DENGAN PERKATAAN LAIN YANG SUNAT DIWAJIBKAN TETAPI YANG WAJIB DITINGGALKAN,+ UJARNYA LAGI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERPENDAPAT SIKAP SEDEMIKIAN WUJUD DI KALANGAN SETENGAH ORANG-ORANG ISLAM KERANA KEUTAMAAN YANG MEREKA BERIKAN KEPADA RUPABENTUK YANG MEREKA SANGKA MENGGAMBARAKAN KEISLAMAN - TIDAK KEPADA KANDUNGAN AJARAN DAN AQIDAH KEISLAMAN YANG TIDAK SEGITU MUDAH DIPAMERKAN.

AKIBAT DARI SANGKAAN INI, SESUATU YANG JELAS DILARANG OLEH AGAMA SUDAH DIJADIKAN AMALAN. —
BERSAMBUNG 1025/AZ

B516:

UMNO-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

UNTUK MEMERANGI KEGIATAN TERSEBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENCADANGKAN AGAR PEMUDA DAN WANITA UMNO MEMEKANKAN KEPADA RAKYAT KEPENTINGAN PELAJARAN, PERSAUDARAAN, KEKUATAN PERTAHANAN, PENGELAKAN DARI KEMISKINAN DAN LAIN-LAIN AMALAN IBADAH YANG WAJIB.

+DENGAN PERKATAAN LAIN, KITA AKAN UTAMAKAN ISI KANDUNGAN ISLAM DAN PERIKHATAN APA YANG DITAFSIR SEBAGAI RUPABENTUK ISLAM,+ TEGASNYA. BELIAU LALU MENYEBUT GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU YANG SENGAJA MEMPERALATKAN AGAMA UNTUK KEPENTINGAN DIRI MASING-MASING.

KEGIATAN MEREKA INI TELAH MEMECAH-BELAHKAN ORANG-ORANG ISLAM YANG SUDAH SEMEMANGNYA MERUPAKAN GOLONGAN MINORITI DI NEGARA INI.

KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR: +ADA ORANG YANG BERKATA DAN MENULIS, BAHKAN BERUSAHA SUPAYA PERPADUAN DAN PERSAUDARAAN ANTARA ORANG ISLAM TIDAK DAPAT DICAPAI. DAN MEREKA DENGAN BERANINYA BERKATA MEREKA MEMECAH-BELAH ORANG ISLAM KERANA ISLAM.+

+SEMANGAT KEBANGSAAN UMPAMANYA TELAH DIJADIKAN SUATU PERASAAN YANG DIKEJI DI KALANGAN PELAJAR MELAYU. KOMONNYA SEMANGAT KEBANGSAAN MELAYU ADALAH BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM.+

— BERSAMBUNG 1028/AZ

B517:

UMNO-MAHATHIR 5. KUALA LUMPUR

+MEREKA INI MENGENEPIKAN FIRMAN TUHAN BERKENAAN WUJUDNYA ORANG BERBAGAI BANGSA DAN PERSAUDARAAN ANTARA MEREKA YANG MENJADI UMAT ISLAM. MEREKA TIDAK MENGHIRAUKAN TIDAK ADANYA TEGAHAN TERHADAP PERASAAN KEBANGSAAN. MEREKA TIDAK MAHU TERIMA KENYATAAN BAHAWA PERASAAN KEBANGSAAN TIDAK AKAN MENGURANGKAN TAQWA SESEORANG KEPADA TUHAN.+

+ORANG YANG MENGECEM PERASAAN KEBANGSAAN TIDAK PULA TUNJUK PERSAUDARAAN ANTARA UMAT ISLAM SEPERTI YANG DITUNTUT. KERANA KONONNYA ITU BERTENTANGAN DENGAN ISLAM, MEREKA MEMBELAKANGKAN SERUAN YANG LEBIH PENTING, IAITU PERSAUDARAAN DALAM ISLAM.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENSIFATKAN SIKAP GOLONGAN INI SEBAGAI A +HYPOCRASY.+

BELIAU BERTANYA SEKIRANYA BENAR MEREKA INI CUMA MENGUTAMAKAN KEISLAMAN DAN PERJUANGAN MEREKA ADALAH SEMATA-MATA UNTUK ISLAM, KENAPA MEREKA TIDAK RASAI TEKANAN TERHADAP ORANG AFGHANISTAN SEBAGAI TEKANAN TERHADAP DIRI MEREKA SENDIRI?

SEMENTARA ORANG-ORANG AFGHANISTAN MEMIKUL SENJATA DAN BERPERANG UNTUK AFGHANISTAN, MEREKA DI MALAYSIA CUMA BERCAKAP DAN MENULIS. MEREKA TIDAK PUN MENDERMA UNTUK BANGSA AFGHANISTAN.

INI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA MEREKA SENDIRI BERPENDAPAT BAHAWA PEPERANGAN DI AFGHANISTAN ADALAH MASALAH KEBANGSAAN NEGARA ITU SENDIRI DAN SEBAGAI ORANG MELAYU, MEREKA MASIH PERLU MEMPERHATIKAN PERKARA TITIK-BENGGIK ORANG MELAYU.

MEREKA JUGA TAHU BAHAWA TANPA PERASAAN KEBANGSAAN, MEREKA TIDAK AKAN ADA TEMPAT DI MANA-MANA. --
BERSAMBUNG 1031/AZ

PARA EMPAT HARAP BACA...SIKAP GOLONGAN INI SEBAGAI +HYPOCRACY+...

B518:

UMNO-MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

SAMBIL MERAYU GOLONGAN INI SUPAYA KEMBALI KE PANGKAL JALAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA AHLI-AHLI UMNO SUPAYA TERUS BERJUANG UNTUK MENGATUPADUKAN UMAT ISLAM SESUAI DENGAN CITA-CITA PARTI YANG SEMEMANGNYA BERASAS KEPADA ISLAM.

BELIAU BERHARAP SATU HARI NANTI +PERPADUAN DAN PENYATUAN YANG BESAR AKAN TERCAPAI DAN TIDAK ADA LAGI GOLONGAN YANG MENJADI DURI DALAM DAGING.+